

26hb Ogos 2024

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan,

Tuan/Puan,

Surat Sokongan Kewangan Bagi Evening Crest Sdn Bhd (1296186-U)

SA Puncak Management Sdn. Bhd. adalah syarikat pemfaktoran yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berfungsi sebagai pembiaya kontrak perolehan kerajaan yang diberikan oleh kementerian dan agensi di bawah kerajaan persekutuan dan negeri melalui kemudahan pemfaktoran.

Selain itu, kami juga membiayai kontrak yang diberikan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan anak syarikat terpilih dari syarikat tersenarai awam di bawah kemudahan tersebut.

Ingin kami maklumkan bahawa **Evening Crest Sdn Bhd (1296186-U)** telah dinilai oleh pihak kami sebagai layak bagi mendapatkan Kemudahan Pemfaktoran sebanyak **RM10.0 juta** sekiranya berjaya mendapatkan projek ini.

Had Kemudahan Pemfaktoran tambahan juga layak dipertimbangkan untuk kelulusan pihak kami sekiranya nilai kontrak yang ditawarkan kepada **Evening Crest Sdn Bhd (1296186-U)** melebihi had kemudahan seperti yang tertera di atas.

Maklumat ini diberikan secara sulit dan persendirian tanpa tanggungjawab atau jaminan daripada pihak syarikat kami ataupun para pegawai kami. Adalah menjadi syarat surat ini bahawasanya nama syarikat kami ataupun para pegawai kami tidak boleh didedahkan kepada sesiapa (kecuali kakitangan anda yang berkuasa).

Kenyataan di atas bukanlah suatu jaminan atau dianggap sebagai suatu jaminan oleh pihak kami dan diberi tanpa prejudis dan dengan syarat bahawasanya syarikat kami, para pegawai dan kakitangan kami, tidak dipertanggungjawabkan ke atas segala tanggungan mengenai perkara di atas.

Sekian dan terima kasih

Yang benar,
SA Puncak Management Sdn. Bhd.

Nama Pegawai : **Muhammad Aizat bin Shaharin**
Jawatan : **Pegawai Perhubungan**

